



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 18 OGOS 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	AP AKAN DITARIK BALIK SEKIRANYA BERLAKU PENYELEWENGAN – SALAHUDDIN, NEWS, MALAYSIA SHAFQNA -5 DAKWAAN AP MAKANAN DIJUAL DALAM TALIAN DISIASAT, KATA MENTERI, NEWS, THE MALYSIAN INSIGHT -10 KEMENTERIAN SIASAT DAKWAAN AP DIJUAL SECARA DALAM TALIAN, NEWS, MALAYSIA GAZETTE -10 KEMENTERIAN SIASAT DAKWAAN AP DIJUAL SECARA DALAM TALIAN, NEWS, BERNAMA -4 KEMENTERIAN SIASAT DAKWAAN AP DIJUAL SECARA DALAM TALIAN, NEWS, SELANGORKU -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
6.	TEKNOLOGI PERTANIAN PADI TEPAT TINGKAT PENGELUARAN, NASIONAL, BH -65	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7. 8. 9. 10. 11.	WHALE SHARK CARCASS FOUND FLOATING IN TANJUNG TOHOR WATERS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A1,A5 WHALE SHARK WEIGHING 5 TONNES FOUND DEAD IN FISHING NET, WEST MALAYSIA, SEE HUA DAILY NEWS -1 YU PAUS SESAT SPESIES MAKIN PUPUS, NASIONAL, BH -8 IKAN BESAR SESAT, SETEMPAT, METRO AHAD -3 GEMPAR JUMPA IKAN YU PAUS, SINAR NEGERI SELATAN, SH -35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12. 13. 14. 15.	PD DAERAH PENGELUAR KELAPA TERBESAR, SINAR NEGERI SELATAN, SH -36 HASIL LAUT DILELONG, SINAR NEGERI UTARA, SH -34 HAMPIR 900 HEKTAR SAWAH PADI DI SAMPANG TERJEJAS KEMARAU, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -4 COUNCIL TO WORK WITH YB ON TAWAU FISH MARKET, NEWS, DAILY EKSPRESS -5	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	AP akan ditarik balik sekiranya berlaku penyelewengan - Salahuddin		
MediaTitle	Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com)		
Date	18 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	5	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

## AP akan ditarik balik sekiranya berlaku penyelewengan - Salahuddin

SERI ISKANDAR: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menarik semula Permit Kelulusan (AP) bagi mengimport pelbagai barangan makanan berkaitan produk pertanian jika berlaku penyalahgunaan dan penyelewengan permit berkenaan.  
Baca tapak asal

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Dakwaan AP makanan dijual dalam talian disiasat, kata menteri		
MediaTitle	The Malaysian Insight (www.themalaysianinsight.com/bahasa)		
Date	18 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

## Dakwaan AP makanan dijual dalam talian disiasat, kata menteri

Dikemas kini 4 minit yang lalu · Diterbitkan pada 18 Aug 2019 2:41PM · 0 Komen  
KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani sedang menyiasat dakwaan Permit Kelulusan (AP) bagi mengimport pelbagai barangan makanan yang dikeluarkan kerajaan dikesan diiklan...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Kementerian siasat dakwaan AP dijual secara dalam talian		
MediaTitle	Malaysia Gazette (malaysiagazette.com)		
Date	18 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

## Kementerian siasat dakwaan AP dijual secara dalam talian

SERI ISKANDAR – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang menyiasat dakwaan Permit Kelulusan (AP) bagi mengimport pelbagai barangan makanan yang dikeluarkan kerajaan dikesan diiklankan untuk jualan secara dalam talian.

Menterinya, Datuk Salahud...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Kementerian siasat dakwaan AP dijual secara dalam talian		
MediaTitle	Bernama.com (www.bernama.com)		
Date	18 Aug 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,350
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,050

## Kementerian siasat dakwaan AP dijual secara dalam talian

SERI ISKANDAR, 18 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang menyiasat dakwaan Permit Kelulusan (AP) bagi mengimport pelbagai barangan makanan yang dikeluarkan kerajaan dikesan diiklankan untuk jualan secara dalam talian. Ment...

*To read the rest of the article, click [View Full Article](#)*

Headline	Kementerian siasat dakwaan AP dijual secara dalam talian		
MediaTitle	Selangorku (www.selangorku.com)		
Date	18 Aug 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	5
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

## Kementerian siasat dakwaan AP dijual secara dalam talian

SERI ISKANDAR, 18 OGOS: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang menyiasat dakwaan Permit Kelulusan (AP) bagi mengimport pelbagai barangan makanan yang dikeluarkan kerajaan dikesan diiklankan untuk jualan secara dalam talian.  
Menterinya, Datuk...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)



# Teknologi Pertanian Padi Tepat tingkat pengeluaran

MARDI perkenal 3 kaedah penyediaan tanah, penaburan baja serta benih

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Seberang Perai:** Teknologi Pertanian Padi Tepat yang memanfaatkan sepenuhnya penggunaan Internet Kebendaan (IOT), diya kini mampu merancakkan pengeluaran hasil padi negara ini.

Pendekatan itu diotuskan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang berharap ia juga menarik minat generasi muda menceburi bidang pertanian.

Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Penyelidikan dan Kejuruteraan MARDI, Dr Badril Abu Bakar, berkata konsep pertanian tepat dalam pengurusan tanaman yang ditusahakan, dibuat berpaksaan data membabitkan rantaian pengeluaran tanaman.

Beliau berkata, bermula daripada proses penyediaan tanah sebagai tapak sehingga penuaian hasil, sistem penderiaan digunakan bagi mengumpul maklumat seperti status nutrisi dalam pokok dan tanah, cuaca persekitaran dan keadaan air.

Data terkumpul itu, katanya, digunakan untuk membuat sebarang keputusan dalam mengurus-

kan tanaman yang ditusahakan bermaklumat.

"Pertanian tepat membolehkan kita memberi input seperti baja dan benih pada kadar betul, pada tempoh betul dan masa yang betul.

"Contohnya data ketinggian tanah membolehkan kita menghasilkan peta rawatan penaburan benih dan data nutrisi dalam pokok di kawasan tertentu pula membolehkan kita menghasilkan peta rawatan pembajaan secara kadar boleh ubah," katanya kepada BH.

Badril berkata, MARDI membangunkan tiga teknologi membabitkan aktiviti penyediaan tanah, penaburan biji benih dan penaburan baja yang menggunakan IOT untuk mengambil data sebelum dapatan yang diperolehi boleh diakses terus menggunakan tablet.

"Teknologi ini terdiri daripada traktor, aplikasi boleh ubah, sistem kawalan sistem kedudukan sejagat (GPS) dan komputer ladang.

"Kita juga ada membangunkan sistem amaran awal untuk kesan perosak dan penyakit. Semua ini menerapkan konsep revolusi industri 4.0 (IR 4.0) yang mana kita



Dr Badril menerangkan penggunaan IOT di Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi Padi MARDI Seberang Perai. Gambar kecil paparan panel pada jentera yang menggunakan sistem IOT. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

gunakan IOT untuk ambil data pesawah," katanya.

Mengulas lanjut kelebihan teknologi pertanian tepat, Badril berkata, peta rawatan yang dihasilkan melalui perisian menggunakan algoritma model GAI yang diprogramkan dalam perisian pengiraan baja MARDI.

Selepas itu, katanya, peta rawa-

tan akan dimasukkan ke dalam komputer ladang dan seterusnya penaburan baja menggunakan mesin akan dilakukan secara automatik.

Antara kelebihan sistem ini, pesawah akan mendapati perataan tanah yang berkesan dan taburan benih menggunakan mesin secara kadar boleh ubah bagi memastikan pokok padi ditanam dengan baik serta seragam.

Beliau berkata, walaupun teknologi ini membabitkan kos yang tinggi, ia dapat menjimatkan penggunaan baja sebanyak 15 hingga 25 peratus sehektar melalui penggunaan sistem pembajaan secara kadar boleh ubah termasuk mengurangkan keberagantungan tenaga buruh sebanyak 60 peratus bagi aktiviti menabur benih dan membaja.

"Kita laksanakan projek ini di Felcra Seberang Perak, Perak dan Sungai Liman Dalam di Yan, Kedah. Hasilnya, ia mengurangkan kos dan mengoptimumkan

hasil padi.

"Namun, ini semua untuk plot sawah yang luas dan memerlukan kerjasama luar seperti koperasi supaya boleh guna modal mereka untuk beli teknologi ini," katanya.

Kajian Institut Penyelidikan Khazanah yang diterbitkan pada 2017 menunjukkan purata umur pesawah di kawasan jelapang padi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Perlis ialah 60 tahun.

Dapatan itu menunjukkan sektor pertanian, khususnya sebagai pesawah didominasi golongan tua.

Lebih malang apabila sektor pertanian yang menjadi tulang belakang negara sejak sekian lama gagal merapatkan jurang sosioekonomi antara masyarakat luar bandar dan bandar.

**Pertanian tepat membolehkan kita memberi input seperti baja dan benih pada kadar betul, pada tempoh betul dan masa yang betul.**

Dr Badril Abu Bakar,  
Pegawai Penyelidik Kanan  
Pusat Penyelidikan dan  
Kejuruteraan MARDI



Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Penyelidikan Kejuruteraan, Dr Arina Mohd Noh memasang 'Light Trap' bagi kajian Sistem Amaran Awal.



Jentera menuai padi menggunakan teknologi IOT di Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi Padi MARDI Seberang Perai.



Headline	Whale shark carcass found floating in Tanjung Tohor waters		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	18 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A1,A15	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	1092 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,152
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,456



## 5吨重鲸鲨魂断渔网

**两**名柔州麻坡巴冬的渔民周六清晨意外捕获一只5吨重的鲸鲨。这条鲸鲨因无法从渔民的渔网脱身，不幸丧命。

当两名渔民把鲸鲨拖到巴冬渔民码头时，有逾百名村民闻讯前往驻足围观。

鲸鲨是受保护的濒危动物，我国禁止捕捉、干扰、杀害、进食、拥有、买卖、运输出口，除非得到渔业部总监的书面同意。渔业局派出4名官员抵达现场，不准民众靠近鲸鲨，以便采取进一步行动。

» 详文见A15



Headline	Whale shark carcass found floating in Tanjung Tohor waters		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	18 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A1,A15	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	1092 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,152
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,456

# 撒网捕到鲸鲨 2渔夫恐触法

「根据1999年联邦渔业(濒危物种管制)条例,凡捕捉受保护鱼类,可被判罚款不超过5000令吉。」

麻坡17日讯:巴冬两名渔夫撒网时意外拉一只估计5吨重的鲸鲨。两人召来挖土机,在逾百名村民的围观下,把体型庞大的鲸鲨拖拉到巴冬码头。鲸鲨是受保护鱼类,捕获鲸鲨者恐被判罚款最高不超过5000令吉。

两名渔民莫哈末丁(67岁)和拉查利是今日清晨5时许在巴冬海域7海哩处撒网时,拉到该只被渔网缠住的鲸鲨。两人把鲸鲨拖来巴冬渔民码头时,已是上午10时,鲸鲨早已没了气息。

众人费了约3小时的时间,仍无法把鲸鲨拖上岸,后来召来挖土机,终于把鲸鲨拉到码头上下岸的地点。

莫哈末丁受访时说,他从小就出海捕鱼,从没有捕过这么大的鱼。他形容,不断把渔网拉上来,拉到手都快断了,都还没把鲸鲨拉上。

他透露,他所使用的是渔网,不是拖网。他和拉查利把这只被渔网困住的鲸鲨拖拉到巴冬码头。「鲸鲨被拖到码头近上下岸地点时,潮水开始减退,两名渔民和几个同行都法拖鲸鲨上岸。」

麻坡渔业局局长法立透露,鲸鲨将于周六运往登嘉楼兰道阿

逾百名村民和闻风而至,在码头驻足围观被拖上岸的鲸鲨。



那[Rantau Abang]的海龟与海洋生态系统研究中心进行解剖。

他估计,已死去的鲸鲨长约5公尺,宽约2英尺,约有5吨重。峇株巴辖生态保护单位将开棺调查鲸鲨的死因。「本区并不是濒危物种鲸鲨的居住区,不知何故这只鲸鲨竟游来这里。」

## 罚款最高5千

法立今日下午抵达巴冬渔民码头,针对当地渔民在进行海上作业时,意外网到鲸鲨,作出上述回应。他促请,渔民若遇有罕见的鱼类,必须联络渔业局,以免触犯1999年联邦渔业法令(濒危物种管制)。在此法令下,凡捕捉受保护鱼类,可被判罚款最高不超过5000令吉。

民主行动党麻坡党鞭蔡伟明赶到现场查看。



莫哈末丁(左)和拉查利把鲸鲨拖回巴冬海岸,等待挖土机将鲸鲨拖上岸。

根据村民透露,数年前,巴冬渔民也有网到体型较大的鲨鱼。

资料显示,鲸鲨是世界上最大的鱼,因其体型巨大似鲸而得名鲸鲨。尽管体型巨大,鲸鲨性情却很温和。成年鲸鲨体长平均12公尺,

最大可长到20公尺,体重达30吨。

鲸鲨的体型特征非常明显,背部呈灰色或蓝灰色,上面布满白色的斑点和条纹,腹部则呈白色。每一只鲸鲨的斑点和条纹都是独一无二的。

Headline	Whale shark weighing 5 tonnes found dead in fishing net		
MediaTitle	See Hua Daily News		
Date	18 Aug 2019	Color	Full Color
Section	West Malaysia	Circulation	63,549
Page No	1	Readership	190,647
Language	Chinese	ArticleSize	267 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,994
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,981



## 5噸重鯨鯊魂斷漁網 相關刊 3

**两**名柔州麻坡巴冬的渔民周六清晨意外捕获一只5吨重的鲸鲨。这条鲸鲨因无法从渔民的渔网脱身，不幸丧命。当两名渔民把鲸鲨拖到巴冬渔民码头时，有逾百名村民闻讯前往驻足围观。鲸鲨是受保护的濒危动物，我国禁止捕捉、干扰、杀害、进食、拥有、买卖、运输出口，除非得到渔业部总监的书面同意。渔业局派出4名官员抵达现场，不准民众靠近鲸鲨，以便采取进一步行动。



# Yu paus sesat spesies makin pupus

**Johor Bahru:** Ikan besar yang ditemui di perairan Tanjung Tohor, Muar semalam, dikenal pasti dari spesies Rhincodon Typus atau yu paus yang sesat ke Selat Melaka.

Ketua Perikanan Daerah Muar, Mohd Faris Adnan, berkata ikan yang semakin pupus itu ditemui hanyut oleh sekumpulan nelayan pada jarak tujuh batu nautika dari jeti Pangkalan Parit Jawa, di sini.

Katanya, yu paus seberat lima tan itu akan dibawa ke Pusat Penyusutan Ekosistem Marin (TUMEC) Rantau Abang, Terengganu, bagi proses bedah siasat.

"Bagi Unit Perlindungan Sum-ber Batu Pahat pula, mereka akan membuka kertas siasatan bagi mengetahui punca kemati-an, termasuk maklumat lengkap berkaitan umur, jantina dan saiz sebenar yu paus ini.

"Kita anggarkan ikan itu sepanjang enam meter dan lebar 1.5 meter.

"Bagaimanapun, kita masih belum mengenal pasti jantina



**Yu paus ditemui hanyut oleh sekumpulan nelayan di perairan Tanjung Tohor, Muar, semalam.**

ikan ini," katanya ketika ditemui di Parit Jawa, di sini.

Menurut Mohd Faris, pihaknya dimaklumkan TUMEC bahawa yu paus itu akan diawet selepas selesai proses bedah siasat.

Katanya, yu paus antara spesies ikan terancam dan mungkin ia sesat kerana perairan Batu Pahat dan Muar bukan habitatnya.

"Saya menasihatkan orang ramai menemui spesies hidupan

laut yang aneh supaya segera menghubungi pihak berkaitan.

"Jangan bertindak melalui sekiranya ia masih bernyawa kerana mereka boleh didakwa di bawah akta berkaitan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2019	METRO	SETEMPAT	3
	AHAD		

# IKAN BESAR SESAT

■ **Spesies Rhincodon Typus atau yu paus ditemui nelayan di perairan Tanjung Tohor, Muar**

Ibrahim Isa  
ibrahim@hmetro.com.my

## Jejak Bekas

**I**kan besar yang ditemui di perairan Tanjung Tohor, Muar, semalam dikenal pasti daripada spesies Rhincodon Typus atau yu paus yang sesat ke perairan Selat Melaka.

Ketua Perikanan Daerah Muar, Mohd Faris Adnan berkata, ikan diancam kepupusan itu ditemui hanyut oleh kumpulan nelayan pada jarak tujuh batu nautika dari Jeti Pengkalan Parit Jawa, di sini.

Katanya, ikan seberat lima tan itu dibawa ke Pusat Penyelidikan dan Ekosistem Marin (TUMEC) Rantau Abang, Terengganu, semalam bagi proses bedah siasat.

"Unit Perindungan Sumber Batu Pahat membuka kertas siasatan bagi mengetahui punca kematian ter-

masuk maklumat lengkap berkaitan umur, jantina dan saiz sebenar yu paus ini.

"Setakat ini, kami anggaran ikan itu 6 meter panjang dan 1.5 meter lebar. Kami belum mengenal pasti jantina ikan ini," katanya ketika ditemui di Jeti Pengkalan Nelayan Parit Jawa, semalam.

Menurut Mohd Faris, pihaknya dimaklumkan TUMEC yu paus itu diawet selepas selesai proses bedah siasat.

Mohd Faris berkata, yu paus antara spesies ikan terancam dan berkemungkinan besar hidupan itu sesat hingga ke perairan Batu Pahat dan Muar yang bukan lokasi habitatnya.

"Berikutan itu, saya menasihatkan orang ramai termasuk nelayan sekiranya menemui spesies hidupan laut aneh supaya segera menghubungi pihak berkaitan. Jangan bertindak melulu," katanya.



YU paus terdampar di jeti selepas dipercayai tersesat.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI SELATAN	35

# Gempar jumpa ikan yu paus

***Ikan seberat 5 tan ditemui nelayan hanyut dekat jeti***

NURALINA HASSAN

MUAR

**P**enemuan seekor ikan besar di perairan Tanjung Tohor pagi semalam dikenal pasti merupakan spesies rhincodon typus atau yu paus.

Ketua Perikanan Daerah Muar, Mohd Faris Adnan berkata, ikan yang didakwa semakin pupus itu ditemui hanyut oleh sekumpulan nelayan pada jarak kira-kira tujuh batu nautika dari Jeti Pangkalan Parit Jawa di sini.

Katanya, ikan yu paus



Faris (tengah) bersama unit Perlindungan Sumber Batu Pahat memeriksa ikan yu paus yang terdampar di pesisiran pantai berhampiran Jeti Pangkalan Nelayan Parit Jawa, Muar semalam.

seberat kira-kira lima tan itu dibawa ke Pusat Penyu Dan Ekosistem Marini (TUMEC) Rantau Abang semalam bagi proses bedah siasat.

“Di pihak Unit Perlindungan Sumber Batu Pahat pula, mereka akan membuka kertas siasatan bagi mengetahui punca kematian termasuk maklumat

lengkap berkaitan umur, jantina dan saiz sebenar yu paus ini.

“Setakat ini, kita anggarkan saiz panjang adalah enam meter dan selebar

hampir dua meter. Kita masih belum mengenal pasti jantina ikan ini,” katanya ketika ditemui pemberita di Jeti Pangkalan Nelayan Parit Jawa, di sini.

Menurut Mohd Faris, pihaknya dimaklumkan oleh TUMEC bahawa ikan tersebut terbabit akan diawet sebaik selesai proses bedah siasat.

“Yu paus merupakan antara spesies terancam dan berkemungkinan besar ia sesat di perairan di sini berikutan lokasi ini bukan habitatnya.

“Justeru, saya menasihati para nelayan sekiranya menemui spesis hidupan laut yang aneh untuk segera menghubungi pihak agensi berkaitan.

“Jangan bertindak melulu jika ia masih bernyawa kerana mereka boleh didakwa di bawah akta berkaitan,” katanya.



# PD daerah pengeluar kelapa terbesar

*Penuhi permintaan domestik, tanah sesuai ditanam kelapa*

PORT DICKSON

**P**ort Dickson akan dijadikan sebagai kawasan pengeluar kelapa terbesar di negeri ini bagi memenuhi permintaan domestik, kata Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Beliau berkata, Port Dickson yang terkenal sebagai destinasi pelancongan terkemuka mempunyai kesesuaian tanah untuk penanaman kelapa iaitu di empat buah kampung seperti Kampung Pachitan, Kampung Sawah, Kam-

pung Chuah dan Kampung Bukit Pelanduk.

"Ia juga mampu dijadikan sebagai pendapatan tambahan kepada penduduk setempat di kawasan itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Ladang Peringkat Daerah Port Dickson di Dataran Kampung Pachitan di sini semalam.

Semalam, sebanyak 2,000 anak pokok kelapa pandan diserahkan kepada penduduk di empat kampung berkenaan untuk ditanam di sekeliling kediaman mereka terlebih dahulu di mana hasil dijangka dapat dituai pada empat atau lima tahun akan datang.

"Kita berharap usaha ini akan mendatangkan kesan positif untuk meningkatkan hasil pendapatan penduduk khusus masyarakat luar bandar. Di samping mereka yang



AMINUDDIN

mengusahakan inap desa, mereka juga akan dapat memasarkan dengan lebih mudah tanaman kelapa ini," katanya.

Katanya, program yang dijalankan Jabatan Pertanian itu bukan sahaja untuk golongan petani, malahan terbuka kepada umum sekali gus dapat menarik minat mereka untuk menceburi bidang pertanian.

## 4 KAMPUNG DITANAM KELAPA

- Kampung Pachitan
- Kampung Sawah
- Kampung Chuah
- Kampung Bukit Pelanduk

"Ini selaras dengan permintaan buah kelapa yang semakin meningkat saban tahun dan ia membuka pasaran luas bagi industri tanaman kelapa itu sendiri sama ada melalui jualan segar mahu pun berasaskan kelapa," katanya.

Kerajaan Negeri Sembilan katanya telah menetapkan beberapa perancangan untuk meningkatkan ekonomi dan pembangunan industri pertanian sehingga tahun 2023.

- Bernama

# Hasil laut dilelong

*Empat nelayan dan dua bot kenka ditahan*

NORMAWATI ADNAN

PARIT BUNTAR

**E**mpat nelayan tempatan bersama hampir 100 kilogram hasil tangkapan dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di 6.4 batu nautika berhampiran perairan Kuala Kurau kelmarin.

Dalam operasi sekitar jam 7.30 pagi itu, keempat-empat nelayan berusia antara 50-an hingga 60-an yang menggunakan dua bot pukat kenka didapati menangkap ikan di luar kawasan dibenarkan.

Pengarah Zon Maritim



Empat nelayan tempatan bersama dua bot kenka ditahan kerana melanggar syarat lesen.

Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd Sharenliza Ghazali berkata, siasatan lanjut mendapati, pemilik bot tidak mengusahakan sendiri bot itu seperti yang dinyatakan dalam syarat buku lesen.

“Kesemua nelayan ber-

kenaan bagaimanapun telah dilepaskan dengan jaminan polis selepas rakaman percakapan direkodkan.

“Sementara hasil tangkapan sebanyak 40 kilogram udang campur dan 50 kilogram ikan baja dile-

long, kes diasiat mengikut Akta Perikanan 1985,” katanya semalam.

Beliau meminta orang ramai untuk terus menyalurkan maklumat bagi membolehkan aktiviti menyalah undang-undang dapat dibanteras sepenuhnya.

Headline	Hampir 900 hektar sawah padi di Sampang terjejas kemarau		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	18 Aug 2019	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	4	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	236 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 502
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,505



## Hampir 900 hektar sawah padi di Sampang terjejas kemarau

SAMPANG: Agensi Pertanian Sampang, Jawa Timur mencatatkan beratus hektar sawah padi di 14 daerah terjejas oleh kemarau berpanjangan.

Sehingga Ogos 2019, agensi itu menyatakan bahawa sebanyak 890 hektar sawah padi tosak atau mengalami kegagalan tanaman yang dikenali dalam kalangan penduduk tempatan sebagai puso.

Pemangku ketua agensi itu, Suyono, menyatakan bahawa 176 hektar daripadanya mengalami kerosakan ringan, 60 hektar mengalami kerosakan sederhana dan 15 hektar mengalami kerosakan teruk, dan baki 684 hektar mengalami puso (tanaman tidak mengeluarkan hasil).

Bagaimanapun, Suyono mendakwa jumlah sawah padi terjejas menurun jika dibandingkan dengan jumlah pada 2018. Tahun lalu, lebih 1,000 hektar (sawah padi mengalami puso), katanya pada Jumaat lepas.

Menurut beliau, kawasan paling terjejas ialah daerah Jrengik, Sampang, Torjun dan kota

Kedungdung. Di Jrengik, kawasan mengalami puso mencecah 560 hektar.

"Kawasan yang mengalami puso adalah kawasan yang bergantung kepada air hujan untuk pengairan," katanya.

Seorang petani di Jrengik, Fadli, berharap pentadbiran Sampang akan membina telaga pami di kawasan berkenaan sebagai sumber pengairan semasa musim kering.

"Kami sudah menghantar cadangan kami kepada Kementerian Pertanian," kata Suyono, mengulas cadangan petani itu.

Suyono selanjutnya berkata bahawa selagi cadangan itu belum direalisasikan, petani dinasihatkan untuk bijak dalam meramalkan cuaca. Sebagai contoh, tanaman terakhir haruslah pada penghujung musim hujan atau pada April dan tanah harus dihidkan kepada yang dekat air atau sumber pengairan.



KAWASAN sawah padi yang terjejas.

Headline	Council to work with YB on Tawau fish market		
MediaTitle	Daily Express - Malaysia (dailyexpress.com.my)		
Date	18 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	5	Readership	6
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

## Council to work with YB on Tawau fish market

TAWAU: The District Municipal Council will work closely with Sri Tanjong Assemblyman Datuk Jimmy Wong to overcome problems encountered by the Tawau fish market. The problems included clogged drainage, cleanliness, leaking roof, dim lights, insufficient w...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***